

1978

KUALA LUMPUR, 5 APRIL (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENOLAK CADANGAN SUPAYA KERAJAAN MENGAMBILALIH PERNIAGAAN—PERNIAGAAN BESAR UNTUK DIBERI KEPADA PIHAK BUMIPUTERA PADA SATU HARI KELAK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA PERBUATAN SEPERTI ITU AMAT DIGEMARI OLEH PENGANUT—PENGANUT SOSIALISME DAN NASIONALIS EKSTREM.

+MALANGNYA KITA DAPATI MANA—MANA NEGARA YANG MEMILIH JALAN YANG NAMPAK MUDAH INI TELAH DAPATI BAHAWA HASILNYA BERBEZA SEKALI DARI JANGKAAN,+ TAMBAH BELIAU.

SYOR SUPAYA KERAJAAN MENGAMBILALIH PERNIAGAAN—PERNIAGAAN BESAR DALAM BIDANG SEPERTI PERLOMBONGAN, PEMBINAAN, PEMBUATAN, PEMBORONGAN DAN PENGEDARAN TELAH DIKEMUKAKAN OLEH WAKIL PAS DARI KUALA KERAJ ENCIK ZAHARI AWANG SEMASA PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH KE ATAS TITAH TIMBALAN YANG DIPERTUAN AGUNG.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERUSAHAAN YANG DIAMBILALIH BIASANYA MENJADI BANKRAP DAN +TIDAK BERGUNA UNTUK SESIAPA.+

—BERSAMBUNG HM 1718

PARLIMEN — MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DI NEGARA INI JUGA BANYAK PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN DIMILIKI OLEH KERAJAAN DAN DIURUSKAN OLEH KAKITANGAN AWAM. MALANGNYA, KEBANYAKAN TELAH GAGAL, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA YANG JELAS DARI PERISTIWA ITU TALAH PENILIKAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN +TIDAK MENJADI KEBAIKAN EKONOMI.+

YANG PENTING, KATA BELIAU, TALAH KECEKAPAN PENGURUSAN. EKONOMI BUMIPUTERA DAN DASAR EKONOMI BARU TIDAK AKAN MEMPUNYAI MAKNA JIKA PERLAKSANAANNYA MELALUI SISTEM SOSIALIS YANG MEMBAWA KERUGIAN KEPADA NEGARA DAN KAUM BUMIPUTERA.

KATANYA, +KERAJAAN YAKIN CARA YANG DIAMALKAN SEKARANG IAITU PEMBAGIAN KEK EKONOMI YANG MEMBESAR AKAN LEBIH BERKESAN DALAM MENJAYAKAN DASAR EKONOMI BARU.+

MENGENAI AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN IA AKAN DIKUATKUASAKAN +SEBERAPA FLEKSIBLE YANG BOLEH+ AGAR PEKILANG—PEKILANG YANG BERKENAAN TIDAK TERGENDALA KERANA TIDAK DAPAT MEMATUHI SYARAT—SYARAT YANG DIKENAKAN DISEBABKAN SESUATU KEADAAN DI LUAR KAWALAN MEREKA.

—BERSAMBUNG HM 1739

PARLIMEN—MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENSIFATKAN AKTA ITU SEBAGAI AMAT PENTING UNTUK KEMAJUAN PERINDUSTRIAN NEGARA INI.

KATANYA, KERAJAAN SEDAR AKAN PERASAAN KUATIR DAN BIMBANG PIHAK SWASTA TERHADAP PERLAKSANAAN AKTA ITU.

BEBERAPA LANGKAH TELAH DIAMBIL, TERMASUK MEMINDA BEBERAPA PERUNTUKAN, UNTUK MENGHAPUSKAN SEGALA KEBIMBANGAN ITU DAN BAGI MEMASTIKAN BAHAWA PERLAKSANAAN AKTA TERSEBUT TIDAK AKAN MENIMBULKAN SESUATU KEADAAN YANG BOLEH MENJEJAS DASAR KERAJAAN MENINGKATKAN LAGI PELABURAN DARI DALAM DAN LUAR NEGERI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJEMPUT PEKILANG—PEKILANG YANG MENGHADAPI SESUATU MASALAH DISEBABKAN PERLAKSANAAN AKTA ITU BERBINCANG DENGAN PEGAWAI—PEGAWAI KEMENTERIANNYA ATAU BELIAU SENDIRI SUPAYA MASALAH ITU DAPAT DIATASI DENGAN SAKSAMA DAN DENGAN SEBERAPA SEGERA YANG BOLEH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN BANYAK TEGURAN TELAH DIBUAT OLEH BERBAGAI PIHAK TERHADAP AKTA ITU, BELUM ADA PERNIAGAAN ATAU PERUSAHAAN YANG TERJEJAS SEMATA—MATA KEPANA AKTA TERSEBUT.

+OLEH ITU KECURIGAAN TERHADAP AKTA TERSEBUT TIDAK MEMPUNYAI ASAS,+ TAMBAH BELIAU.

—BERSAMBUNG HM 1750

24



BERSAMUNG  
PARLIAMEN-MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

DI LUAR-NEGERI PULA, LEMBAGA ITU TELAH MENUBUHKAN PEJABAT-PEJABAT GALAKAN PELABURAN DI DUSSELDORF, PARIS, LONDON, NEW YORK, SAN FRANCISCO DAN SINGAPORE.

DALAM TAHUN INI, LEMBAGA ITU AKAN MENUBUHKAN PEJABAT WILAYAH BARU DI JOHOR BAHRU DAN TIGA PUSAT BARU DI SINGAPURA, HONG KONG DAN TORONTO.

DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIANNYA, MELALUI LEMBAGA ITU, JUSA MENJALANKAN KAJIAN-KAJIAN BAGI MEMBANTU PARA PELABUR MALAYSIA MENGESAN PROJEK-PROJEK YANG ADA DAYA-MAJU.

LEMBAGA ITU JUGA MENGADAKAN DAFTAR BAKAL-BAKAL PELABUR UNTUK MEMBANTU PELABUR TEMPATAN DAN ASING MENCARI RAKAN DALAM MENJALANKAN PROJEK SECARA USAHASAMA. -- BERNAMA  
HM 1845